

Utusan Malaysia Online – December 22, 2006

Korporat

Perbankan Islam perlu ikut selera pelanggan

KUALA LUMPUR 31 Dis. – Perbankan Islam yang berkemungkinan mengalami perubahan permintaan pengguna, perlu memperlengkapkan sumber-sumber sedia ada selain menghasilkan produk kewangan Islam yang lebih inovatif untuk memenuhi keperluan umat Islam dan bukan Islam.

Pengurus Besar (Pasaran Modal Hutang) Hong Leong Bank Bhd., Aminnurrallah Mustaphah, berkata perubahan-perubahan ini mungkin berlaku dalam masa terdekat ini kerana pelanggan, pelabur dan institusi kewangan kini semakin arif dan sofistikated terhadap penstrukturran dan pembangunan tawaran produk Islam.

Beliau berkata, pasaran beransur-ansur beralih kepada penyedia penyelesaian Islam yang inovatif.

Katanya, pada masa lalu, terlalu banyak persamaan dan rujukan kepada produk dan perkhidmatan konvensional, dan pengguna-pengguna seringkali mendapat produk-produk Islam yang semata-mata merupakan penyelesaian konvensional yang diolah dari aspek kewangannya, tetapi dengan unsur pematuhan Syariah yang ditambah.

“Tetapi sekarang kita percaya memang wujud selera bagi struktur Islam yang dibina dari asasnya,” katanya kepada Bernama dalam satu wawancara.

Kata beliau, pasaran sudah mula kenal bahawa kedua-duanya adalah dua produk yang sama sekali berbeza.

“Pasaran global, dan kami di perbankan Islam Hong Leong, semakin memahami bagaimana kewangan Islam harus dimajukan,” katanya.

Menyentuh tentang prospek perbankan Islam tahun depan, beliau berkata dengan persaingan harga yang sengit dan keuntungan yang kecil, beberapa perkongsian atau perikatan strategik dijangka terjalin.

“Dengan liberalisasi pasaran yang dijangkakan, kita pastinya akan merasai kehadiran semakin banyak peserta asing dan kami fikir itulah yang diperlukan oleh industri untuk bertindak sebagai rangsangan bagi institusi tempatan memperbaiki diri,” katanya.

Kata Aminnurrallah, bank-bank Islam dijangka mula mempelbagaikan sumber-sumber pendapatan tahun depan dan beliau menjangkakan kemunculan perbankan pelaburan Islam serta pengurusan kewangan, aset dan kekayaan berstruktur sebagai landasan perniagaan utama.

“Pada masa ini, kebanyakan bank dan institusi kewangan Islam memainkan peranan sebagai perantara kewangan dalam segmen perbankan runcit dan komersial,” katanya.

Sementara itu, tahun ini menyaksikan kemunculan peserta-peserta asing dalam senario tempatan setelah diberikan lesen perbankan Islam setahun lalu.

Ini seharusnya memacu Bank Islam untuk mempertingkatkan kelebihan daya saingannya untuk bersaing dalam persekitaran yang sihat dengan peserta-peserta asing seperti Kuwait Finance House dan Dubai Investment Bank.

Mengenai takaful, beliau berkata, Malaysia dijangka mencatatkan potensi pertumbuhan jangka panjang yang kukuh dalam pasaran takaful dan takaful semula memandangkan keupayaannya yang tinggi untuk mengekalkan peranan peneraju pada masa ini dalam industri takaful global.

Pertumbuhan dalam beberapa tahun kebelakangan ini menggalakkan dan dengan penyertaan-penyertaan baru, industri ini dijangka berkembang dengan kukuh.

“Selepas 22 tahun kewujudan takaful dengan hanya 5.6 peratus penembusan pasaran, kita mestilah mempertimbangkan dengan serius cara-cara lain untuk mendidik atau mendekati pasaran,” kata Ketua Pegawai Eksekutif peserta baru dalam industri takaful, Prudential BSN Takaful, Mohamad Salihuddin Ahmad.

Katanya, Malaysia harus menujuhkan sebuah institut penyelidikan dan pembangunan yang teguh untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang inovatif, yang akan mendorong negara ini dikenali sebagai peneraju komuniti patuh Syariah.

“Malaysia juga perlu cekap dan cepat dalam proses meluluskan permohonan bagi memastikan ia sentiasa mempunyai kelebihan berbanding negara jiran, Singapura, yang turut mengintai peluang meningkat kepada kedudukan tertinggi dalam industri.

“Jika mereka dapat berbuat demikian, Malaysia pastinya boleh mendahului Singapura untuk menjadi pusat kewangan Islam global (seperti yang dihasratkan kerajaan),” kata Mohamad Salihuddin.

Bagi pasaran bon Islam atau sukuk, masa depannya dijangka cerah berikutan kesedaran yang semakin meningkat mengenai sukuk sebagai satu kumpulan aset yang pelabur konvensional boleh melabur.

Ketua Penyelidikan dan Harga Bondweb Malaysia Sdn. Bhd., Meor Amri Meor Ayob, berkata struktur sukuk inovatif yang merangkumi satu atau lebih kontrak pembiayaan Islam biasa sentiasa dimajukan dan diperkenalkan dalam pasaran.

“Ini akan menambah saiz pasaran sukuk Islam, satu trend yang dijangka berterusan dalam masa terdekat ini,” katanya.

Meor Amri berkata, bagi beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan tahunan sihat yang dinikmati pasaran bon Malaysia mengalami kelembapan, daripada tahap tertinggi 53.1 peratus pada tahun 2003, kepada hanya satu angka sejak dua tahun lalu.

“Ini terutamanya disebabkan oleh penguncutan sekuriti hutang awam konvensional dalam dua tahun tersebut.

“Jika tidak kerana pertumbuhan kukuh yang dicatatkan oleh pasaran sukuk Islam, pertumbuhan bagi keseluruhan pasaran tentunya berada dalam lingkungan negatif,” katanya.

– Bernama